



MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI
KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Kontraktor-kontraktor **Bumiputera** yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB)** di daerah **Kuala Muda** serta **MPSPK** yang masih dibenar membuat kerja-kerja sebut harga adalah dipelawa untuk mendaftar bagi kerja-kerja sebut harga di bawah ini :-

BIL	NO. SEBUT HARGA	PROJEK	SYARAT PENDAFTARAN
1	23/2021 (KEJ)	Kerja-Kerja Membina Tempat Letak Kereta di Hadapan Arked Kota Kuala Muda, Sungai Petani, Kedah Darul Aman	Berdaftar dengan CIDB Gred G1 Kategori CE Pengkhususan CE01 dan CE21

Harga Dokumen : **RM10.00 senaskhah (tunai)**
(Wang tidak akan di kembalikan)

Dokumen tawaran ini boleh didapati dari **Jabatan Perbendaharaan (Seksyen Perolehan)** mulai **28 Februari 2021** dan waktu seperti berikut :-

Ahad – Rabu : 8.15 pagi – 12.15 tengah hari
2.15 petang – 4.45 petang
Khamis : 8.15 pagi – 12.15 tengah hari
2.15 petang – 3.00 petang

Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai sebut harga di atas hendaklah datang sendiri (**wakil tidak dibenarkan**) membawa bersama cop syarikat, dokumen asal **Perakuan Pendaftaran Kontraktor** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB) serta **Sijil Taraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK).

Tarikh tutup sebut harga ialah pada jam **12.00 tengah hari** pada **07 Mac 2021**. Dokumen tawaran sebut harga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertulis nama tawaran dan nombor sebut harga dihantar kepada **Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Sungai Petani, Menara MPSPK, Jalan Patani, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman** serta dimasukkan terus ke dalam peti tawaran sebut harga di **Kaunter Jualan Dokumen Sebut Harga dan Tender, Tingkat 1, Lluan Auditorium, Menara MPSPK, Jalan Patani, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman**.

Pihak kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali daripada mana-mana tawaran.

Untuk makluman,

Lawatan tapak tidak diadakan bagi mengawal jangkitan Covid-19. Tuan / puan boleh melawat sendiri kawasan / tapak berkenaan sepanjang tempoh sebut harga ini dijual. Sekiranya pihak tuan / puan ingin melawat kawasan / tapak berkenaan, sila pastikan pihak tuan / puan mengamalkan penjarakan fizikal, menggunakan *hand sanitizer* dan pemakaian pelitup muka.